

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 26 Julai 2018

Kenyataan Khazanah berkaitan laporan berita mengenai Lembaga Pengarah

Kami ingin mengesahkan laporan berita pada pagi ini bahawa semua ahli lembaga pengarah termasuk Pengarah Urusan telah menawarkan diri untuk meletak jawatan daripada Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”). Tindakan ini dibuat dengan perbincangan bersama pihak Kerajaan baharu untuk membolehkan peralihan yang lancar dan teratur.

Lembaga Pengarah berbangga kerana telah diberi peluang untuk berkhidmat dan merasakan tindakan ini adalah sesuai bagi memberikan ruang penuh bagi Kerajaan baharu, dengan budi bicara dan kuasa miliknya, untuk membina semula Lembaga Pengarah baharu.

Kenyataan seterusnya akan kami terbitkan sebaik sahaja kami mempunyai butiran lanjut tentang penyusunan semula Lembaga Pengarah Khazanah.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreasi & pelancongan, hartanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senaraian awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd.

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati www.khazanah.com.my.